

Tebatan tertangguh punca banjir

GEORGE TOWN – Penangguhan kerja-kerja projek fasa pertama tebatan banjir di Sungai Jelok, Kajang didapati antara punca berlakunya banjir kilat di bandar itu Jumaat lepas.

Pengarah Sumber Air dan Hidrologi Malaysia, Hanapi Mohamad Noor berkata, projek tebatan banjir itu tertangguh ekoran kegagalan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) memindahkan 21 premis kedai yang beroperasi di tebing sungai itu.

“Setahun yang lepas kita memulakan kerja-kerja membina tebatan banjir di Sungai Jelok, Kajang namun projek itu terpaksa dihentikan separuh jalan kerana terdapat 21 kedai sementara beroperasi di kawasan kira-kira 200 meter dari tapak projek di tebing sungai itu.

“Pihak majlis perbandaran telah dimaklumkan untuk memindahkan kedai-kedai yang terlibat.

“Namun sehingga kini tiada tindakan diambil untuk memindahkan kedai yang berstatus sementara itu,” katanya

pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran persidangan antarabangsa mengenai pengurusan sungai.

Hanapi berkata, projek tebatan banjir setinggi 100 meter itu dijadual siap sepenuhnya dalam tempoh enam bulan.

Beliau berkata, selain itu, perbuatan membuang sampah yang tidak terkawal ke dalam sungai berkenaan turut menyumbang kepada bencana banjir kilat itu.

“Masalah pembuangan sampah ke dalam sungai yang tidak terkawal menyebabkan laluan air tersumbat, tambahan pula kedudukan jambatan yang menjadi penghujung Sungai Jelok hanya setinggi kira-kira dua meter dari paras air.

“Air melimpah keluar sehingga turut menyebabkan kerosakan jambatan itu,” katanya.

Hujan lebat selama dua jam dengan kadar purata 80mm di kawasan Kajang Jumaat lepas mengakibatkan banjir sedalam 1.5 meter di pusat bandar itu.

– Bernama



SIKAP orang ramai suka buang sampah antara punca banjir kilat di bandar Kajang, Selangor baru-baru ini.

Sebahagian besar bandar Kajang ditenggelami air

KAJANG – Hujan lebat lebih sejam mulai pukul 2 petang semalam menyebabkan sebahagian besar daripada bandar ini ditenggelami air sehingga satu meter dalam masa kira-kira 15 minit. Banyak penduduk khususnya pemilik kedai dan pemandu kenderaan dikejutkan dengan mendadak air secara tiba-tiba khususnya di sekitar Plaza Metro Kajang.

Pengarah Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd. Sani Harul berkata, hujan lebat mengakibatkan air-Selangor.

